

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Saxenda®
2. Bagaimana Saxenda® berfungsi
3. Sebelum menggunakan Saxenda®
4. Cara menggunakan Saxenda®
5. Semasa menggunakan Saxenda®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Saxenda®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Saxenda®

Saxenda® digunakan untuk menurunkan berat badan yang kronik bersama dengan diet kurang kalori dan senaman dalam kalangan orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai:

- BMI 30 kg/m² atau lebih atau
- BMI 27 kg/m² dan kurang daripada 30 kg/m² (berat badan berlebihan), serta mempunyai masalah kesihatan yang berkaitan dengan berat badan (seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, tahap lemak yang tidak normal dalam darah atau masalah pernafasan semasa tidur yang dipanggil '*obstructive sleep apnoea*').

BMI (*Body Mass Index*) adalah ukuran berat badan anda dibandingkan dengan ketinggian anda.

Anda hanya harus terus menggunakan Saxenda® sekiranya anda telah kehilangan sekurang-kurangnya 5% daripada berat badan asal anda selepas 12 minggu dengan pengambilan dos 3.0 mg/hari (sila rujuk bahagian 4). Sila berbincang dengan doktor anda sebelum anda berkeputusan untuk meneruskan rawatan.

Saxenda® boleh digunakan sebagai tambahan kepada pemakanan yang sihat dan peningkatan aktiviti fizikal untuk pengurusan berat badan dalam kalangan remaja dari usia 12 tahun ke atas yang mempunyai:

- obesiti (didiagnosis oleh doktor anda)

- berat badan melebihi 60 kg

Anda hanya boleh terus menggunakan Saxenda® jika anda telah kehilangan sekurang-kurangnya 4% daripada BMI anda setelah 12 minggu pada dos 3.0 mg/hari atau dos maksimum yang ditoleransi (sila rujuk bahagian 4). Sila berbincang dengan doktor anda sebelum anda berkeputusan untuk meneruskan rawatan.

Diet dan senaman

Doktor anda akan memulakan program diet dan senaman untuk anda. Teruskan program ini semasa anda menggunakan Saxenda®.

2. Bagaimana Saxenda® berfungsi

Saxenda® adalah ubat untuk menurunkan berat badan yang mengandungi bahan aktif liraglutide. Ia serupa dengan hormon semulajadi yang dipanggil *glucagon-like peptide-1* (GLP-1) yang dihasilkan oleh usus selepas pemakanan.

Saxenda® berfungsi dengan bertindak ke atas reseptor-reseptor dalam otak yang mengawal selera pemakanan anda, seterusnya menyebabkan anda berasa kenyang dan kurang lapar. Ini mungkin boleh membantu anda mengurangkan pengambilan makanan dan menurunkan berat badan anda.

3. Sebelum menggunakan Saxenda®

Sila baca seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mula menggunakan ubat ini kerana risalah ini mengandungi maklumat penting buat anda.

-Bila tidak boleh mengambil Jangan menggunakan Saxenda®

-Sekiranya anda mempunyai alahan terhadap liraglutide atau sebarang bahan-bahan yang lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan di bahagian 8).

-Sebelum mula mengambil

Sila berbincang dengan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sebelum menggunakan Saxenda®.

Penggunaan Saxenda® tidak digalakkan sekiranya anda menghadapi penyakit sakit jantung yang teruk.

Terdapat sedikit pengalaman mengenai penggunaan ubat ini dalam kalangan pesakit yang berumur 75 tahun dan ke atas. Penggunaan ubat ini tidak digalakkan sekiranya anda berumur 75 tahun dan ke atas.

Terdapat sedikit pengalaman mengenai penggunaan ubat ini dalam kalangan pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang. Sekiranya anda menghadapi penyakit buah pinggang atau sedang menggunakan dialisis, sila berbincang dengan doktor anda.

Terdapat sedikit pengalaman mengenai penggunaan ubat ini dalam kalangan pesakit yang mempunyai masalah hati. Sekiranya anda mempunyai masalah hati, sila berbincang dengan doktor anda.

Penggunaan ubat ini tidak digalakkan sekiranya anda mempunyai masalah perut atau usus yang teruk yang menyebabkan penangguhan dalam proses pengosongan perut (digelar '*gastroparesis*'), atau sekiranya anda menghadapi penyakit radang usus.

Jika anda perlu menjalani pembedahan di bawah pengaruh 'anesthesia' (tidur), sila beritahu doktor bahawa anda sedang mengambil Saxenda®.

Golongan yang mempunyai penyakit kencing manis (diabetes)

Sekiranya anda mempunyai diabetes, jangan menggunakan Saxenda® sebagai pengganti untuk insulin.

Radang pankreas

Sila berbincang dengan doktor anda sekiranya anda menghadapi atau pernah menghadapi penyakit yang berkaitan dengan pankreas.

Radang pundi hempedu dan batu karang

Sekiranya anda kehilangan berat badan yang banyak, anda berisiko untuk mendapat batu karang dan seterusnya radang pundi hempedu. Berhenti mengambil Saxenda® dan sila hubungi doktor dengan segera sekiranya anda mengalami sakit yang teruk di bahagian atas abdomen, kebiasaannya paling teruk adalah di sebelah kanan bawah tulang rusuk. Kesakitan mungkin dirasakan sehingga ke belakang atau bahu kanan. Sila rujuk bahagian 6.

Penyakit tiroid

Sekiranya anda menghidapi penyakit tiroid, termasuk nodul tiroid dan pembesaran kelenjar tiroid, sila berbincang dengan doktor anda.

Kadar degupan jantung

Sila berbincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami debaran jantung (anda berasa tersedar dengan denyutan jantung anda) atau sekiranya anda berasa seperti jantung anda berdegup dengan pantas ketika berehat, dalam tempoh menjalani rawatan menggunakan Saxenda®.

Kehilangan cecair dan dehidrasi

Apabila memulakan rawatan menggunakan Saxenda®, anda mungkin akan kehilangan cecair badan atau mengalami dehidrasi. Ini mungkin disebabkan oleh rasa tidak sihat (loya), sakit (muntah-muntah) dan cirit-birit. Maka adalah penting untuk mengelakkan dehidrasi dengan meminum banyak air. Sila berbincang dengan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan. Sila rujuk bahagian 6.

Kanak-kanak dan remaja

Keselamatan dan keberkesanan Saxenda® dalam kalangan kanak-kanak di bawah usia 12 tahun belum dikaji.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila memaklumkan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda

sekiranya anda sedang mengambil, baru-baru ini telah mengambil, atau merancang untuk mengambil sebarang ubat lain.

Secara khususnya, sila memaklumkan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sekiranya:

- anda sedang mengambil ubat untuk penyakit kencing manis yang dipanggil 'sulfonylurea' (seperti *glimepiride* atau *glibenclamide*) atau jika anda mengambil insulin – anda mungkin akan mengalami paras gula dalam darah yang rendah (hipoglisemia) apabila anda menggunakan ubat-ubat ini bersama Saxenda®. Doktor anda mungkin akan melaraskan dos ubat untuk penyakit kencing manis anda bagi mengelakkan anda daripada mengalami paras gula dalam darah yang rendah. Sila rujuk bahagian 6 untuk tanda-tanda amaran paras gula dalam darah yang rendah. Jika anda melaraskan dos insulin anda, doktor anda mungkin akan mengesyorkan anda untuk memantau paras gula dalam darah anda dengan lebih kerap.
- anda sedang mengambil 'warfarin' atau ubat oral lain yang berfungsi mengurangkan pembekuan darah anda (*anticoagulants*). Ujian darah yang lebih kerap mungkin diperlukan bagi menentukan tahap pembekuan darah anda.

4. Cara menggunakan Saxenda®

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa menggunakan ubat ini mengikut arahan doktor anda dengan tepat. Sila rujuk kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sekiranya anda tidak pasti.

Doktor anda akan memulakan program diet dan senaman untuk anda. Teruskan dan sila kekal berada dalam program ini sepanjang anda menggunakan Saxenda®.

Berapa banyak untuk menyuntik Dewasa

Rawatan anda akan bermula pada dos yang rendah dan akan dinaikkan secara beransur-ansur dalam tempoh rawatan lima minggu yang pertama.

- Semasa anda mula menggunakan Saxenda®, dos permulaan adalah 0.6 mg sekali sehari, untuk tempoh sekurang-kurangnya satu minggu.
- Doktor anda akan mengarahkan anda untuk menaikkan dos anda secara beransur-ansur sebanyak 0.6 mg biasanya setiap minggu, sehingga anda mencapai dos yang disyorkan iaitu 3.0 mg sekali sehari.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak Saxenda® untuk digunakan setiap minggu. Kebiasaannya, anda akan diberitahu untuk mengikut jadual seperti yang dibawah:

Minggu	Dos untuk disuntik
Minggu 1	0.6 mg satu kali sehari
Minggu 2	1.2 mg satu kali sehari
Minggu 3	1.8 mg satu kali sehari
Minggu 4	2.4 mg satu kali sehari
Mulai minggu 5	3.0 mg satu kali sehari

Setelah anda mencapai dos yang disyorkan iaitu 3.0 mg pada minggu ke-5 rawatan, terus gunakan dos ini sehingga tamat tempoh rawatan anda. Jangan terus meningkatkan lagi dos anda. Doktor anda akan menilai rawatan anda pada selang yang tetap.

Remaja (≥ 12 tahun)

Untuk remaja dari usia 12 hingga bawah 18 tahun, jadual peningkatan dos yang sama seperti untuk orang dewasa harus digunakan (lihat jadual di atas untuk orang dewasa). Dos harus ditingkatkan hingga 3.0 mg (dos tetap) atau dos maksimum yang ditoleransi dicapai. Dos harian lebih tinggi daripada 3.0 mg tidak digalakkan.

- Bila perlu digunakan

- Sebelum anda menggunakan pen untuk kali pertama, doktor atau jururawat anda akan menunjukkan kepada anda cara penggunaan pen tersebut.
- Anda boleh menggunakan Saxenda® pada bila-bila masa, tidak kira bersama-sama atau tanpa makanan dan minuman.
- Gunakan Saxenda® pada waktu yang hampir sama setiap hari – pilih waktu yang paling sesuai buat anda.

Tempat untuk menyuntik

Saxenda® diberikan sebagai suatu suntikan di bawah kulit (*subcutaneous*).

- Tempat-tempat terbaik untuk diberi suntikan adalah di bahagian depan perut anda (abdomen), di bahagian depan peha-peha anda atau di bahagian atas lengan anda.
- Tukar tempat suntikan anda setiap hari untuk mengurangkan risiko mendapat ketulan.
- Jangan suntik ke dalam vena atau otot.

Arahan terperinci untuk cara penggunaan boleh didapati pada bahagian akhir risalah ini.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti menggunakan Saxenda® tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, sila bertanya kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda terlupa satu dos tetapi mengingatnya dalam jangka masa 12 jam daripada masa kebiasaan anda mengambilnya, berikan suntikan sebaik sahaja anda mengingatnya.
- Tetapi sekiranya lebih daripada 12 jam telah berlalu sejak masa anda sepatutnya menggunakan

Saxenda®, abaikan dos yang terlepas ini dan suntik dos anda yang seterusnya pada hari berikutnya pada masa kebiasaan.

- Jangan gunakan dos berganda atau tingkatkan dos pada hari berikutnya untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan Saxenda® lebih daripada yang sepatutnya, sila berbincang dengan doktor atau pergi ke hospital dengan segera. Sila bawa pek ubat bersama anda. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan. Kesan-kesan berikut mungkin berlaku:

- berasa tidak sihat (loya)
- sakit (muntah-muntah)
- paras gula darah rendah (hipoglisemia). Sila rujuk kepada 'Kesan sampingan biasa' untuk tanda amaran paras gula darah rendah.

5. Semasa menggunakan

Saxenda®

- Perkara yang perlu dilakukan

Sila simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya semula.

Sila berbincang dengan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sebelum menggunakan Saxenda®.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila kemukakan kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah dipreskripsikan kepada anda sahaja. Jangan berikannya kepada orang lain. Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun tanda-tanda penyakit mereka adalah sama dengan anda.

Pesakit kencing manis

Sila memaklumkan doktor anda sekiranya anda menghadapi kencing manis. Doktor anda mungkin akan melaraskan dos ubat kencing manis anda untuk mengelakkan anda

daripada mengalami paras gula dalam darah yang rendah.

- Jangan campurkan Saxenda® dengan ubat-ubat lain yang anda suntik (contohnya insulin).
- Jangan gunakan Saxenda® bersama-sama ubat lain yang mengandungi perangsang reseptor GLP-1 (contohnya *exenatide* atau *lixisenatide*).

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan, sila berbincang dengan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda. Ini termasuklah sebarang kesan sampingan yang berkemungkinan berlaku yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini. Sila rujuk bahagian 6.

Kehamilan dan penyusuan bayi

Jangan menggunakan Saxenda® sekiranya anda hamil, anda fikir anda mungkin hamil atau sedang merancang untuk hamil. Ini adalah kerana ia tidak diketahui sama ada Saxenda® akan menjejaskan kandungan anda. Jangan menyusukan bayi anda sekiranya anda sedang menggunakan Saxenda®. Ini adalah kerana ia tidak diketahui sama ada Saxenda® boleh masuk ke dalam susuan ibu.

Memandu dan mengendalikan mesin

Saxenda® mempunyai kebarangkalian yang sangat tipis untuk menjejaskan keupayaan anda untuk memandu dan mengendalikan mesin.

Sebilangan pesakit mungkin berasa pening ketika mengambil Saxenda® terutamanya pada 3 bulan pertama rawatan (sila rujuk bahagian 6). Sekiranya anda berasa pening, berhati-hati semasa memandu atau menggunakan mesin. Sekiranya anda memerlukan maklumat lebih lanjut, anda boleh berbincang dengan doktor anda.

Maklumat penting mengenai beberapa bahan kandungan Saxenda®

Ubat ini mengandungi natrium kurang dari 1 mmol (23 mg) dalam setiap dos, iaitu pada dasarnya 'bebas natrium'.

6. Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, ubat ini boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, tetapi bukan setiap orang akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan serius

Beberapa tindak balas alahan yang teruk (*anaphylaxis*) telah dilaporkan dengan kekerapan yang jarang dalam kalangan pesakit yang menggunakan Saxenda®. Anda mesti terus berjumpa dengan doktor anda sekiranya anda mengalami simptom-simptom seperti masalah bernafas, pembengkakan di muka dan tekak dan denyutan jantung yang pantas.

Kes-kes radang pankreas (pankreatitis) pernah dilaporkan dengan kekerapan yang bukan kebiasaan dalam kalangan pesakit yang menggunakan Saxenda®. Pankreatitis adalah suatu keadaan perubatan yang serius dan boleh mengancam nyawa.

Berhenti menggunakan Saxenda® dan sila hubungi doktor anda dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan serius seperti yang berikut:

- Kesakitan yang teruk dan berterusan di bahagian abdomen (kawasan perut) yang mungkin berterusan sampai ke bahagian belakang anda, serta rasa loya dan muntah-muntah, ini adalah mungkin suatu petanda bagi radang pankreas (pankreatitis).

Kesan-kesan sampingan lain

Sangat biasa: kebarangkalian menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 orang

- Berasa tidak sihat (loya), sakit (muntah-muntah), cirit-birit, sembelit, sakit kepala – kesan-kesan sampingan ini kebiasaannya hilang selepas beberapa hari atau minggu.

Biasa: kebarangkalian menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang

- Masalah-masalah yang berkaitan dengan perut dan usus, seperti masalah penghadaman (*dyspepsia*), keradangan pada lapisan perut (*gastritis*), perut berasa tidak selesa, kesakitan pada bahagian atas perut, pedih ulu hati, berasa kembung, angin (kentut), sendawa dan mulut kering.
- Berasa lemah atau penat
- Deria rasa berubah
- Pening
- Kesukaran untuk tidur (*insomnia*). Ini kebiasaannya berlaku dalam 3 bulan pertama rawatan
- Batu karang
- Raum
- Tindak balas pada tempat suntikan (seperti lebam-lebam, sakit, kerengsaan, gatal-gatal dan ruam)
- Paras gula dalam darah yang rendah (hipoglisemia). Tanda-tanda amaran paras gula dalam darah yang rendah boleh datang secara tiba-tiba dan ini termasuklah: peluh sejuk, kulit sejuk pucat, denyutan jantung yang pantas, berasa tidak sihat, berasa sangat lapar, perubahan dalam penglihatan, berasa mengantuk, berasa lemah, menjadi gementar, menjadi cemas, kekeliruan, sukar untuk menumpukan perhatian dan bergegar (*tremor*). Doktor anda akan memberitahu anda bagaimana untuk merawat paras gula dalam darah yang rendah dan apa yang perlu dilakukan sekiranya anda mengalami tanda-tanda amaran ini.
- Peningkatan enzim-enzim pankreas, seperti '*lipase*' dan '*amylase*'.

Tidak biasa: (kebarangkalian menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang)

- Kehilangan cecair (dehidrasi). Ini lebih berkemungkinan untuk berlaku pada permulaan rawatan dan mungkin disebabkan oleh

rasa sakit (muntah-muntah), rasa tidak sihat (loya) dan cirit-birit

- Pertanggungan dalam pengosongan perut
- Radang pundi hempedu
- Tindak balas alahan termasuk ruam kulit
- Berasa secara keseluruhannya tidak sihat
- Nadi yang lebih pantas

Jarang: kebarangkalian menjejaskan sehingga 1 dalam 1 000 orang)

- Fungsi buah pinggang yang berkurangan
- Kegagalan buah pinggang yang genting. Tanda-tanda mungkin termasuk pengurangan dalam jumlah air kencing, rasa logam dalam mulut dan mudah untuk mendapat lebam-lebam.

Tidak diketahui: (kekerapan tidak dapat dianggarkan daripada data yang ada)

- Halangan usus. Sembelit yang teruk dengan simptom tambahan seperti sakit perut, kembung, muntah dan lain-lain.
- Ketulan di bawah kulit mungkin disebabkan oleh pengumpulan protein dipanggil amiloid (kulit *amyloidosis*; kekerapan berlaku tidak diketahui).

Melaporkan kesan-kesan sampingan

Jikalau anda mendapat mana-mana kesan sampingan, berbincanglah dengan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda. Ini termasuk kemungkinan kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila memaklumkan doktor, jururawat atau ahli farmasi anda. Dengan melaporkan kesan sampingan, anda dapat membantu memberikan lebih banyak maklumat mengenai keselamatan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to*

Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

7. Cara penyimpanan dan pelupusan Saxenda®

- *Penyimpanan*

Sila simpan ubat ini jauh daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak. Jangan menggunakan Saxenda® selepas tarikh luput seperti yang telah dinyatakan pada label pen dan kotak selepas 'Expiry'. Tarikh luput tersebut merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

Sebelum penggunaan pertama

Sila simpan ubat di dalam peti sejuk (2 °C – 8 °C). Jangan sejuk-bekukan. Jauhkan daripada petak kawasan sejuk beku.

Sebaik sahaja anda mula menggunakan pen

Anda boleh menyimpan pen tersebut selama 1 bulan apabila disimpan pada suhu di bawah 30 °C atau di dalam peti sejuk (2 °C – 8 °C). Jangan sejuk-bekukan. Jauhkan daripada petak kawasan sejuk beku. Apabila anda tidak menggunakan pen tersebut, sila pakaikan penutup pen untuk melindunginya daripada cahaya. Jangan menggunakan ubat ini sekiranya cecairnya tidak jernih dan tidak berwarna atau hampir tidak berwarna.

- *Pelupusan*

Jangan buang sebarang ubat-ubatan melalui air kumbahan atau bahan buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda tentang cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

8. Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Saxenda® dibekalkan sebagai larutan yang jernih dan tidak berwarna atau hampir tidak berwarna untuk suntikan menggunakan pen pra-isi. Setiap pen mengandungi larutan sebanyak 3 mL dan berupaya memberikan dos sebanyak 0.6 mg, 1.2 mg, 1.8 mg, 2.4 mg dan 3.0 mg. Saxenda® boleh didapati dalam pek-

pek bersaiz yang mengandungi 1, 3 atau 5 pen. Tidak kesemua saiz pek akan dipasarkan. Jarum tidak termasuk dalam pek pasaran.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif

Bahan aktif tersebut adalah *liraglutide*. 1 mL larutan untuk suntikan mengandungi 6 mg *liraglutide*. Satu pen pra-isi mengandungi 18 mg *liraglutide*.

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan tidak aktif yang lain adalah *disodium phosphate dihydrate*, *propylene glycol*, fenol, asid hidroklorik dan natrium hidroksida (untuk pelarasan pH) dan air untuk suntikan.

- *Nombor MAL*

MAL17085003AZ

9. Pengilang

Novo Nordisk A/S

Novo Allé

DK-2880 Bagsværd

Denmark

10. Pemegang Pendaftaran Produk

Novo Nordisk Pharma (Malaysia)

Sdn. Bhd.

Menara 1 Sentrum, Level 16

No. 201 Jalan Tun Sambanthan

50470 Kuala Lumpur

Malaysia

11. Tarikh kemaskini RiMUP

27 Mar 2025

Nombor Siri

NPRA(R3/01)16032021/0118

Arahan tentang cara penggunaan Saxenda® 6 mg/ml larutan untuk suntikan dalam pen pra-isi

Sila baca arahan ini dengan teliti sebelum menggunakan pen pra-isi Saxenda® anda.

Jangan menggunakan pen ini tanpa mendapatkan latihan yang betul daripada doktor atau jururawat anda.

Mulakan dengan menyemak pen anda untuk memastikan ia mengandungi Saxenda® 6 mg/mL, kemudian lihat gambaran-gambaran dibawah untuk mengenali bahagian-bahagian pen dan jarum anda yang berbeza.

Sekiranya anda buta atau mempunyai penglihatan yang kurang baik dan tidak boleh membaca pengira dos pada pen, jangan menggunakan pen ini tanpa bantuan. Sila dapatkan bantuan daripada orang yang mempunyai penglihatan yang baik yang telah dilatih untuk menggunakan pen pra-isi Saxenda®.


Pen anda adalah pen pra-isi *dial-a-dose*. Ia mengandungi 18 mg liraglutide dan memberikan dos 0.6 mg, 1.2 mg, 1.8 mg, 2.4 mg dan 3.0 mg. Pen anda telah direka untuk digunakan bersama-sama jarum pakai buang NovoFine® atau NovoTwist® dengan kepanjangan sehingga 8 mm dan senipis 32 G. Jarum-jarum tersebut tidak termasuk dalam pek pasaran.

⚠ Maklumat penting

Sila berikan perhatian khusus kepada nota-nota ini kerana nota-nota adalah penting untuk penggunaan pen yang selamat.




1 Sediakan pen anda dengan jarum yang baharu



- Semak nama dan label berwarna pen anda, untuk memastikan ia mengandungi Saxenda®. Ini terutamanya penting sekiranya anda mengambil lebih daripada satu jenis ubat suntikan. Menggunakan ubat yang salah

boleh membahayakan kesihatan anda.

- Tanggalkan penutup pen tersebut.



- Semak bahawa larutan dalam pen anda adalah jernih dan tidak berwarna. Lihat ke dalam menerusi tingkap pen. Sekiranya larutan tersebut kelihatan keruh, jangan gunakan pen itu.



- Ambilkan jarum yang baharu dan koyakkan penutup kertasnya.



Pastikan anda memasang jarum dengan betul.

- Tolak lalu cantumkan jarum terus ke pen.
- Pusingkan jarum sehingga ia tercantum dengan ketat ke pen.



Jarum ditutupi oleh dua penutup jarum. Pastikan anda mengeluarkan kedua-duanya penutup jarum. Jika anda terlupa mengeluarkan kedua-dua penutup jarum, anda tidak akan menyuntik sebarang larutan.

- **Tanggalkan penutup luar jarum dan simpannya untuk kemudian.** Anda akan memerlukannya selepas suntikan, untuk menanggalkan jarum daripada pen dengan selamat.



- **Tanggalkan dan buang penutup dalaman jarum.** Jika anda cuba untuk memasangnya kembali, anda mungkin dengan tidak sengaja akan mencucuk diri sendiri dengan jarum tersebut. Setitis larutan mungkin akan kelihatan pada hujung jarum. Ini adalah perkara biasa, tetapi anda masih perlu menyemak alirannya sekiranya anda menggunakan pen yang baharu buat kali pertama. **Jangan sambungkan jarum yang baharu** kepada pen anda sehinggalah anda sudah bersedia untuk mengambil suntikan anda.

- △ **Sentiasa menggunakan jarum yang baharu untuk setiap suntikan.** Ini mungkin dapat mengelakkan berlakunya jarum yang tersekat, pencemaran, jangkitan dan dos yang tidak tepat.
- △ **Jangan sesekali menggunakan jarum yang telah bengkok atau rosak.**

2 Semak aliran dengan setiap pen baru



- Sekiranya pen anda sudah pun dalam penggunaan, pergi kepada langkah 3 'Pilih dos anda'. Semakan aliran Sebelum suntikan pertama anda dengan setiap pen yang baharu.
- Pusingkan pemilih dos sehingga simbol penyemak aliran () melepas 0. Pastikan simbol penyemak aliran berbaris dengan penunjuk.



- Pegangkan pen dengan jarum menghala ke atas. Tekan dan jangan lepaskan butang dos sehingga pengira dos kembali kepada 0. Nombor 0 mesti sejajar dengan petunjuk dos. Setitis larutan sepatutnya akan muncul di hujung jarum.

Titisan kecil mungkin akan kekal pada hujung jarum tersebut, tetapi ia tidak akan disuntikkan.

Sekiranya tiada titisan yang muncul, ulangi langkah 2 'Semak aliran dengan setiap pen baru' sehingga sebanyak 6 kali. Sekiranya masih tiada titisan, tukarkan jarum dan ulangi langkah 2 'Semak aliran dengan setiap pen baru' sekali lagi.

Sekiranya setitis larutan masih tidak muncul, buang pen tersebut dan gunakan pen yang baharu.

- △ **Sentiasa pastikan setitis larutan muncul** pada hujung jarum sebelum anda menggunakan pen yang baharu buat kali pertama. Ini adalah untuk memastikan larutan tersebut mengalir.

Jika tiada titisan yang muncul, anda **tidak akan** menyuntik sebarang ubat, walaupun pengira dos pen tersebut mungkin bergerak. **Ini mungkin menandakan jarum yang tersekat atau rosak.**

Sekiranya anda tidak menyemak aliran tersebut sebelum suntikan pertama anda dengan setiap pen yang baharu, anda mungkin tidak akan menerima jumlah dos yang telah dipreskripsikan dan kesan yang dihasratkan daripada penggunaan Saxenda®.

3 Pilih dos anda



- Pusingkan pemilih dos sehingga pengira dos menunjuk nilai dos anda (0.6 mg, 1.2 mg, 1.8 mg, 2.4 mg atau 3.0 mg).

Jika anda terpilih dos yang salah, anda boleh memusing pemilih dos ke arah hadapan atau belakang sehingga kepada nilai dos yang betul.

Pen ini boleh memutar (memilih) dos sehingga ke maksimum 3.0 mg.

Pemilih dos berfungsi tukarkan dos. Hanya pengira dos dan penunjuk dos yang akan memberitahu jumlah mg yang anda pilih setiap dos.

Anda boleh memilih sehingga ke 3.0 mg setiap dos. Apabila pen anda mengandungi kurang daripada 3.0 mg pengira dos akan berhenti sebelum nilai '3.0' ditunjukkan.

Pemilih dos menghasilkan bunyi klik yang berbeza apabila dipusingkan ke arah hadapan, belakang atau melebihi jumlah bilangan mg yang masih tertinggal di dalam pen. Jangan mengira bunyi klik pen tersebut.

- ⚠ **Sentiasa menggunakan pengira dos dan penunjuk dos untuk melihat berapa jumlah mg yang anda telah pilih sebelum menyuntik ubat ini.**

Jangan mengira bunyi klik pen tersebut.


Jangan menggunakan skala pada pen. Ia hanya menunjukkan nilai anggaran jumlah larutan yang masih tertinggal di dalam pen anda.

Hanya dos 0.6 mg, 1.2 mg, 1.8 mg, 2.4 mg atau 3.0 mg mesti dipilih dengan menggunakan pemilih dos tersebut. Dos yang dipilih mesti berbaris sejajar tepat dengan penunjuk dos untuk memastikan anda menerima jumlah dos yang betul.

Berapa banyak larutan tertinggal?



- **Skala pen** akan menunjukkan kepada anda nilai **anggaran** baki larutan yang masih tertinggal di dalam pen anda.




- Untuk melihat dengan tepat berapa banyak larutan yang masih tertinggal, gunakan pengira dos: Pusingkan pemilih dos sehingga **pengira dos berhenti**.
- Jika ia menunjukkan 3.0, terdapat sekurang-kurangnya **3.0 mg** yang masih tertinggal di dalam pen anda. Jika **pengira dos berhenti sebelum 3.0 mg**, baki larutan yang masih tertinggal tidak mencukupi untuk memberikan dos penuh 3.0 mg.

Jika anda memerlukan lebih ubat daripada apa yang masih tertinggal di dalam pen anda Hanya jikalau telah dilatih atau dinasihati oleh doktor atau jururawat anda, anda boleh membahagikan dos anda di antara pen terkini anda dan pen yang baharu. Gunakan kalkulator untuk merancang dos-dos tersebut sebagaimana yang telah diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.


- ⚠ **Sila berhati-hati supaya dapat membuat pengiraan dengan betul.**

Sekiranya anda tidak pasti bagaimana hendak membahagikan dos anda di antara dua pen, pilih dan suntikkan dos yang anda perlukan dengan menggunakan pen yang baharu.

4 Suntikkan dos anda



- **Masukkan jarum ke dalam kulit anda** seperti yang telah ditunjukkan oleh doktor atau jururawat anda.
- **Pastikan anda dapat melihat pengira dos.** Jangan tutupkannya dengan jari anda. Ini mungkin boleh mengganggu suntikan.



- **Tekan dan jangan lepaskan butang dos. Perhati pengira dos menunjukkan 0.** Nombor 0 mesti berbaris sejajar dengan penunjuk dos. Anda mungkin kemudiannya mendengar atau merasai satu klik.
- **Teruskan tekan butang dos sambil mengekalkan jarum tersebut di dalam kulit anda.**



- **Kira perlahan-lahan sampai 6 sambil tekan butang dos.**
- Sekiranya jarum tersebut dikeluarkan terlalu awal, anda mungkin akan melihat satu aliran larutan keluar daripada hujung jarum. Sekiranya ini berlaku, dos penuh tidak akan diberikan.



- **Keluarkan jarum daripada kulit anda.** Kemudian anda boleh melepaskan butang dos sekarang. Sekiranya darah kelihatan pada tempat suntikan, tekan dengan ringan.

Anda mungkin akan melihat setitis larutan pada hujung jarum selepas suntikan. Ini adalah perkara biasa dan tidak menjejaskan dos anda.

- ⚠ **Sentiasa melihat pada pengira dos untuk mengetahui jumlah mg yang anda suntik.** Tekan butang dos ke bawah dan jangan lepaskan sehingga pengira dos menunjukkan 0.

Bagaimana hendak mengenal pasti sama ada jarum tersumbat atau rosak?

- Sekiranya 0 tidak muncul pada pengira dos selepas menekan terus-menerus butang dos

tersebut, anda mungkin telah menggunakan jarum yang tersekat atau rosak.


- Maka dalam kes ini – anda tidak menerima sebarang ubatan – walaupun pengira dos telah bergerak dari dos asal yang anda telah tetapkan.

Bagaimana hendak mengendalikan jarum yang tersumbat?


Tukarkan jarum seperti yang telah diuraikan dalam langkah 5 'Selepas suntikan anda' dan ulang semua langkah bermula dengan langkah 1 'Sediakan pen anda dengan jarum yang baharu'. Pastikan anda memilih dos penuh yang anda perlukan.

Jangan sesekali menyentuh pengira dos sewaktu anda menyuntik. Ini boleh mengganggu suntikan tersebut.


5 Selepas suntikan anda



- **Sentiasa lupuskan jarum selepas setiap kali suntikan** untuk memastikan suntikan yang mudah dan untuk mengelakkan jarum yang tersekat. Sekiranya jarum itu tersekat, anda **tidak** akan menyuntik sebarang ubatan.
- **Masukkan hujung jarum ke dalam penutup luar jarum** di atas permukaan yang rata tanpa menyentuh jarum itu mahupun penutup luar jarum.



- Sesudah sahaja jarum tersebut dilitupi, **tolakkan/rapatkan penutup luar jarum dengan sepenuhnya secara berhati-hati.**
- **Tanggalkan jarum** tersebut dan lupuskannya secara berhati-hati, seperti yang diarahkan oleh doktor, jururawat, ahli farmasi atau pihak berkuasa tempatan.



- **Pasangkan semula penutup pen** pada pen anda selepas setiap kali penggunaan untuk melindungi larutan di dalam pen daripada cahaya.

Apabila pen sudah kosong, buangkannya **tanpa** jarum yang terpasang seperti yang telah diarahkan oleh doktor, jururawat, ahli farmasi atau pihak-pihak berkuasa tempatan.

- ⚠ **Jangan sesekali mencuba untuk memasang semula penutup dalaman jarum ke atas jarum.** Anda mungkin akan tercucuk diri anda sendiri dengan jarum tersebut.

- ⚠ **Sentiasa menanggalkan jarum daripada pen anda selepas setiap kali suntikan.** Ini mungkin boleh mengelakkan jarum menjadi tersekat, pencemaran, jangkitan, larutan yang bocor dan pemberian dos yang tidak tepat.

⚠ Maklumat lanjut yang penting

- Sentiasa menyimpan pen dan jarum anda **di luar penglihatan dan jangkauan orang lain**, terutama sekali kanak-kanak.

- **Jangan sesekali** berkongsi pen atau jarum anda dengan orang lain.
- Penjaga mesti **berhati-hati ketika mengendalikan jarum-jarum terpakai** - untuk mengelakkan kecederaan akibat jarum dan jangkitan bersilang.
- Tukar tempat suntikan anda setiap hari untuk mengurangkan risiko mendapat ketulan.

Menjaga pen anda

- **Jangan tinggalkan pen di dalam kereta** atau tempat lain di mana ia boleh menjadi terlalu panas atau terlalu sejuk.
- **Jangan menyuntik Saxenda® yang telah disejuk-bekukan.** Sekiranya anda berbuat demikian, anda mungkin tidak akan mendapat kesan sebenar oleh ubat ini.
- **Jangan dedahkan pen anda kepada debu, kotoran atau cecair.**
- **Jangan basuh, rendam atau melincirkan pen anda.** Ia mungkin boleh dicuci dengan bahan pencuci yang kurang kuat menggunakan kain lembap.
- **Jangan jatuhkan pen anda** atau mengetuknya atas permukaan keras. Sekiranya anda menjatuhkannya atau mengesyaki terdapat masalah, pasangkan jarum yang baharu dan semak aliran sebelum anda memberi suntikan.
- **Jangan cuba untuk mengisi semula pen anda.** Sesudah ia kosong, ia mesti dilupuskan.
- **Jangan cuba untuk memperbaiki pen anda** atau membuka dengan meleraikannya.